

Sinar Harian
23/1/2014

Jangka bina gelanggang futsal

BESUT – Sebuah gelanggang futsal bertaraf kebangsaan dijangka dibina di Pantai Air Tawar, Kampung Raja untuk memberi lebih peluang kepada golongan muda bagi menyertai sukan tersebut.

Adun Kota Putera, Mohd Mahdi Musa berkata, perancangan sudah dibuat dan pihaknya akan memohon pada agensi berkaitan untuk membina sebuah gelanggang yang lengkap dan boleh digunakan untuk pertandingan berkelas profesional.

Menurutnya, jika cadangan itu menjadi realiti, ia bakal menyaksikan banyak pertandingan futsal berprestij diadakan di sini, sekali gus mempopularkan Pantai Air Tawar sebagai pantai perangan.

"Saya harap sukan karnival pantai terus diadakan pelbagai pihak kerana terdapat kemudahan dan pemandangan cantik di sini.

"Kerajaan negeri fokus terhadap kecemerlangan sukan apabila memperuntukkan RM26 juta untuk perkembangan sukan dan be-

lia pada tahun ini, selain bertekad untuk merampas kembali gelaran juara dalam Sukma 2014 yang akan diadakan di Perlis nanti," katanya.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan Negeri itu berkata demikian pada Karnival Sukan Pantai 2013, Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (Masum) yang berlangsung selama tiga hari berakhir kelmarin.

Pada program disertai 460 atlet dan 15 universiti itu, pasukan UiTM muncul johan keseluruhan selepas menewaskan 14 universiti lain.

UiTM turut meraih juara dalam Sepak Takraw Pantai Lelaki dan Bola Sepak Pantai Perempuan, selain mengumpul tiga perak dalam acara Bola Sepak Pantai Lelaki, Bola Jaring Pantai serta Bola Tampar Pantai Perempuan.

Manakala, pasukan Unisza pula memenangi dua emas menerusi acara Bola Sepak Pantai Lelaki dan Bola Tampar Lelaki.